

Ahli2 UMNO diingatkan Kaji dulu sebelum kecam

IPOH, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menyeru ahli-ahli UMNO menyelidik secara mendalam sebarang tuduhan sebelum menjadikannya sebagai satu perkara untuk dibela.

Katanya, memang menjadi tanggungjawab Bahagian dan Cawangan UMNO membangkitkan masalah, terutama dalam memperbaiki kedudukan orang Melayu dalam negara ini.

"Tetapi masalah dibangkitkan itu hendaklah diselidiki lebih dahulu sebelum membuat usul mengecam itu dan ini," tambahnya.

Katanya, kadang kala masalah itu tidak wujud kerana ia dibangkitkan

oleh pihak tertentu yang berkepentingan lain.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata demikian ketika berucap merasmikan konvensyen kedua UMNO Perak, semalam.

Katanya, Kementeriannya banyak menerima aduan-aduan mengenai diskriminasi, terutama terhadap pekerja-pekerja Bumiputera.

Sebelum membuat sebarang tindakan, katanya, Kementeriannya membuat penyelidikan dahulu.

"Memang ada diskriminasi, tetapi kadang kala ada aduan yang tidak wujud kerana ditimbulkan oleh pihak tertentu yang berkepentingan lain," tambahnya.

\$200 sebulan

Datuk Seri Dr. Mahathir memberi contoh aduan di mana seorang pekerja Melayu dibayar hanya \$30 sebulan.

"Saya mengarahkan pegawai saya menyalasat dan didapati bukan gajinya \$30 sebulan, tetapi bayaran gaji setengah bulan.

"Bila dicampur dengan elaun dan bayaran lain, gajinya meningkat lebih \$200 sebulan," tambahnya.

Kata Datuk Seri Dr. Mahathir, Kerajaan juga sedar ramai majikan tidak mahu mematuhi Dasar Ekonomi Baru mengenai kuota pekerja Bumiputera.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia